



Soalan Lazim

Allianz Junior Badminton Championship 2024

1. Apakah Allianz Junior Badminton Championship (AJBC)?

Allianz Junior Badminton Championship adalah kejohanan badminton untuk kanak-kanak yang berumur 15 tahun dan ke bawah.

Terdapat tiga kategori umur yang dipertandingkan iaitu Bawah 11, Bawah 13 dan Bawah 15 Tahun. AJBC adalah sebuah platform yang disediakan untuk pemain yang ingin mengambil bahagian dalam kejohanan yang tersusun dan kompetitif, serta untuk memperoleh kemahiran untuk menjadi seorang pemain profesional pada masa hadapan.

Selain daripada memupuk semangat kesukanan yang sebenar, AJBC juga bertujuan untuk mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan dan memupuk keharmonian sosial melalui badminton.

2. Apakah kumpulan umur untuk AJBC?

AJBC terbuka kepada pemain-pemain yang berumur 15 tahun dan ke bawah. Terdapat tiga kumpulan umur iaitu Bawah 11, Bawah 13 dan Bawah 15 Tahun. Bawah 11 Tahun akan mempunyai dua kategori, manakala Bawah 13 dan Bawah 15 Tahun akan mempunyai empat kategori seperti berikut:

Kumpulan Umur	Bawah 11 Tahun (lahir 2013 dan ke atas)	Bawah 13 Tahun (lahir 2011 dan ke atas)	Bawah 15 Tahun (lahir 2009 dan ke atas)
Kategori	Perseorangan Lelaki	Perseorangan Lelaki	Perseorangan Lelaki
	Perseorangan Perempuan	Perseorangan Perempuan	Perseorangan Perempuan
		Beregu Lelaki	Beregu Lelaki
		Beregu Perempuan	Beregu Perempuan

3. Di manakah dan bilakah AJBC akan diadakan?

Sila layari allianz.com.my/ajbc untuk maklumat terkini.

4. Apakah bentuk kejohanan AJBC?

Bentuk kejohanan adalah berdasarkan kalah singkir (knock-out) dimana pemain akan bermain satu (1) set sahaja dengan sistem kiraan tiga puluh (30) mata di pusingan pertama sehingga suku akhir, manakala di peringkat separuh akhir dan

akhir akan ditentukan melalui sistem dua puluh satu (21) mata menerusi tiga (3) set terbaik (Best of 3 Sets).

5. Adakah yuran pendaftaran akan dikenakan?

Tidak, yuran pendaftaran tidak akan dikenakan untuk menyertai AJBC.

6. Bilakah pendaftaran AJBC bermula?

Tarikh pendaftaran adalah berbeza mengikut pusingan kelayakan masing-masing seperti jadual berikut:

Acara	Tarikh Kejohanan	Tarikh Mula
Pusingan Kelayakan 1	3 – 5 Mei	5 Mei
Pusingan Kelayakan 2	17 – 19 Mei	19 April
Pusingan Kelayakan 3	28 – 30 Jun	31 Mei
Pusingan Kelayakan 4	5 – 7 Julai	7 Jun
Pusingan Kelayakan 5	19 – 21 Julai	21 Jun
Pusingan Kelayakan 6	26 – 28 Julai	28 Jun
Pusingan Kelayakan 7	9 – 11 Ogos	12 Julai
Pusingan Kelayakan 8	23 – 25 Ogos	26 Julai
Pusingan Kelayakan 9	11 – 13 Oktober	13 September
Pusingan Kelayakan 10	18 – 20 Oktober	20 September
Peringkat Akhir (Grand Finals)	20 – 25 November	

7. Bagaimanakah boleh saya mendaftar untuk AJBC?

Untuk pendaftaran AJBC, sila hubungi En. Akbar di 011-3234 7043.

8. Bolehkah pemain yang sama mendaftar untuk 2 kategori (perseorangan dan beregu)?

Pemain yang sama dibenarkan mendaftar untuk kategori perseorangan dan beregu (maximum 2 acara).

9. Bolehkah saya menyertai kejohanan AJBC jika saya terlepas tarikh tutup pendaftaran kejohanan negeri?

Pendaftaran lewat tidak akan diterima.

10. Apakah yang akan terjadi jika saya terlambat untuk kejohanan AJBC?

Pemain-pemain dikehendaki hadir di tempat pertandingan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan mereka untuk mendaftar masuk di tempat sekretariat kejohanan. Jika tidak, mereka akan hilang kelayakan.

11. Sekiranya saya cedera atau sakit, bolehkah pemain lain menggantikan saya untuk meneruskan kejohanan AJBC?

Pemain tidak dibenarkan untuk diganti sekiranya cedera atau sakit.

12. Apakah yang perlu saya pakai untuk kejohanan AJBC?

Pemain mesti memakai pakaian kompetitif berwarna cerah yang sesuai untuk sukan badminton. Semua pemain dikehendaki memakai t-shirt rasmi yang disediakan oleh pihak pengangur semasa perlawanan dan penyampaian hadiah. Pakaian yang ketat adalah tidak digalakkan.

13. Apakah yang perlu saya bawa ke AJBC?

Selain daripada kad pengenalan dan dokumen salinan cetak untuk tujuan pengesahan, sila bawa peralatan sukan dan botol air sendiri.

14. Adakah makanan disediakan semasa kejohanan AJBC?

Pemain perlu menyediakan makanan sendiri.

15. Adakah terdapat sebarang SOP untuk kejohanan ini?

Pemain dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan terus memakai pelitup muka melainkan semasa memanaskan badan atau bertanding.

16. Adakah ibu bapa dan rakan-rakan dibenarkan hadir ke AJBC?

Ya, mereka dibenarkan tetapi mereka mesti mematuhi SOP iaitu memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.